

**MAJLIS SAMBUTAN ULANGTAHUN KE-44 BANGSA-BANGSA BERSATU**  
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR, 11 NOVEMBER 1989

Yang Berhormat Mulia Tengku Ahmad Rithauddeen,  
Presiden Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia atau UNMA;  
Encik Carl-Erik Wiberg,  
Wakil Serantau UNDP di Kuala Lumpur;  
Dif-dif Kehormat;  
Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya berbangga dengan usaha Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia atau UNMA yang menganjurkan sambutan Hari Ulangtahun Bangsa-Bangsa Bersatu yang ke-44 ini. Hari Bangsa-Bangsa Bersatu sebenarnya jatuh pada 24hb. Oktober, tetapi oleh kerana kita sibuk dengan Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel atau CHOGM, maka kita baru sekarang dapat menyambut upacara ini. Walaupun terlambat, Malaysia dan rakyatnya mengucapkan tahniah kepada badan dunia itu sempena sambutan ulangtahun ke-44 ini. Apatah lagi Malaysia adalah penyokong kuat Bangsa-Bangsa Bersatu dan Malaysia telah mengambil peluang bersuara dengan tegas terhadap isu-isu yang penting di badan dunia itu.

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. UNMA, seperti tahun-tahun yang lalu, selalu menganjurkan Hari Bangsa-Bangsa Bersatu dengan penyertaan kanak-kanak. Tradisi ini sangat terpuji oleh kerana apa sahaja yang diperjuangkan hari ini oleh badan dunia ini adalah untuk kesejahteraan, keselamatan dan kebahagiaan masa hadapan anak-anak di seluruh dunia. Bangsa-Bangsa Bersatu mempunyai peranan penting untuk memastikan wujudnya dunia yang selamat dan sejahtera itu. Kita berkumpul sekarang untuk menebalkan dedikasi kita ke atas matlamat-matlamat murni badan dunia itu. Selepas dunia kita mengalami dua peperangan yang dahsyat, Bangsa-Bangsa Bersatu ditubuhkan bagi mengelakkan peperangan, mewujudkan hak-hak manusia dan menggalakkan kemajuan ekonomi dan sosial yang akan meningkatkan taraf hidup penduduk dunia.

Ladies and gentlemen,

3. I am sure that nothing could be more satisfying to the organisers of this evening than to ensure that the spirit of 26 June 1945, when the UN Charter was signed, is inculcated in the hearts of the very young so that they will grow up fully imbued with the spirit of global responsibility and the need to cooperate, and cooperate peacefully, in order for mankind to progress. A famous Malay proverb succinctly points out that for one to shape the bamboo you have to start from the shoots.

4. The involvement of children tonight is also significant as 1989 marks the thirtieth anniversary of the Declaration on the Rights of the Child and the tenth anniversary of the International Year of the Child. The United Nations is profoundly concerned that the situation of children in many parts of the world

remains critical as a result of inadequate social conditions, natural disasters, armed conflicts, illiteracy, hunger and so on. The UN and its member countries are convinced that urgent effective national and international action is called for. Hence the world body is working on the details of a convention on the rights of the child at the UN General Assembly in New York. We in Malaysia will give full support to the convention.

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada semua kanak-kanak, serta pengorbanan ibu bapa mereka, yang telah menjayakan majlis sambutan ini. Akhirnya, saya mengucapkan selamat menyambut Hari Ulangtahun Bangsa-Bangsa Bersatu yang ke-44.